

pascasiswazah



Pelajar FRSB berjaya meraih pingat pada PECIPTA 2017.



Program Mobiliti Siswazah FRSB di Swedish University of Agricultural Sciences, Sweden.

Penyelidikan gabung tiga disiplin

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

Serdang

Program pascasiswazah ditawarkan Fakulti Reka Bentuk dan Seni Bina (FRSB), Universiti Putra Malaysia (UPM), sejak 1996 memberi peluang pelajar menerokai bidang penyelidikan berkaitan disiplin yang menggabungkan seni, sains dan kemanusiaan untuk kesejahteraan alam serta manusia.

Program ditawarkan bukan sahaja mampu membentuk asas penyelidikan kukuh dalam kalangan pelajar tetapi juga menyediakan platform bagi perkongsian ilmu melalui pembabitan mereka dalam kolaborasi penyelidikan, persidangan atau pertandingan inovasi di dalam dan luar negara.

Program diakreditasi

Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Siswazah) FRSB, Prof Madya Dr Norsidah Ujang, berkata fakulti menawarkan program Doktor Falsafah (PhD) dan Sarjana Sains (mod penyelidikan) dalam lima bidang pengajian, iaitu Pengajian Landskap, Pengajian Seni Bina, Perancangan dan Reka Bentuk Bandar, Pengajian Reka Bentuk Berintegrasi serta Pengajian Reka Bentuk Perindustrian.

Katanya, dua program sarjana (mod kerja kursus) turut ditawarkan, iaitu Sarjana



**Prof Madya
Dr Norsidah Ujang**

Seni Bina Landskap (MLA) dan Sarjana Seni Bina membabitkan tempoh pengajian dua tahun.

Beliau berkata, program MLA UPM diakreditasi oleh Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), sekali gus bermakna graduan layak dipertimbangkan sebagai ahli korporat ILAM dan dibenarkan bekerja sebagai Arkitek Landskap di Malaysia.

"Sarjana Seni Bina ditawarkan secara kerja kursus pula setaraf kelayakan profesional Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) Bahagian II. Program ini adalah kesinambungan daripada kelayakan LAM Bahagian I yang dilaksanakan dalam program Sarjana Muda Sains Seni Bina UPM."

Mohon kemasukan

"Objektif utama program ini ialah melahirkan graduan seni bina yang holistik, kompeten dan berkemahiran tinggi dalam bidang

info

Program pascasiswazah ditawarkan FRSB

Syarat kelayakan

→ PhD (Penyelidikan)

- Memiliki ijazah sarjana dalam bidang seni bina landskap, seni bina, perancangan bandar, reka bentuk bandar, harta tanah, reka bentuk perindustrian atau seni halus atau yang setara dengannya serta minimum PNGK 3.00 atau pengalaman bekerja sekurang-kurang satu tahun dalam bidang berkaitan.

→ Sarjana Sains (Penyelidikan)

- Memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang seni bina landskap, seni bina, perancangan bandar, harta tanah, reka bentuk perindustrian atau seni halus atau yang setara dengannya serta minimum PNGK 2.50 atau pengalaman bekerja sekurang-kurang satu tahun dalam bidang berkaitan

→ Permohonan kemasukan boleh dibuat secara talian melalui laman sesawang Sekolah Pengajian Siswazah UPM di alamat http://www.sgs.upm.edu.my/prospective_students-2964

seni bina.

"Mereka akan menjurus ke arah peluang kerjaya dalam bidang reka bentuk, pengurusan projek, penyelidikan, akademia dan industri pembinaan berkaitan," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Pelajar berminat memohon kemasukan program Sarjana Seni Bina UPM perlu memiliki Ijazah Sarjana Muda Reka Bentuk (Seni Bina) atau Ijazah Sarjana Muda Sains Seni Bina atau setaraf kelayakan akreditasi LAM Bahagian I atau setara purata nilai gred kumulatif (PNGK) sekurang-kurang 2.75 daripada universiti tempatan atau luar negara yang diiktiraf kerajaan Malaysia dan Senat UPM.

Raih pingat

Calon juga perlu lulus kursus Studio Reka Bentuk Seni Bina atau setaraf dengan purata sekurang-kurang Gred B, memiliki pengalaman bekerja sekurang-kurang enam bulan dalam bidang seni bina, dan lulus temu duga kemasukan.

Bagi program MLA pula, pemohon perlu memiliki PNGK sekurang-kurang 2.5 dan sekiranya pemohon mempunyai PNGK kurang daripada keperluan minimum tetapi berpengalaman bekerja sekurang-kurang tiga tahun dalam bidang berkaitan, juga boleh diperimbangkan.

Kemasukan program Sarjana Seni Bina ialah pada



Satu daripada bengkel program MLA yang diadakan.



Aktiviti penyelidikan Landscape Therapy Lab dengan kerjasama pakar akademik dari University of Copenhagen, Denmark.

sesi September, manakala MLA pula Februari. Calon berminat boleh menghantar permohonan melalui laman sesawang <http://sgsportal.upm.edu.my/j2ee/portal/guide/sgs.jsp>.

FRSB mempunyai 96 pelajar PhD, 66 (Sarjana Sains), 25 (MLA) dan 65 (Sarjana Seni Bina), malah fakulti dijangka menawarkan dua lagi program sarjana baharu (mod kerja kursus), iaitu Sarjana Reka Bentuk Bandar Tropika dan Sarja-

na Pengurusan Landskap Lestari pada sesi September tahun ini.

Pelajar FRSB turut berjaya menunjukkan kecemerlangan dalam penyelidikan masing-masing apabila meraih pingat emas dan perak pada Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (PECIPTA) 2017 serta pingat perak pada Pertandingan Inovasi, Reka Cipta dan Reka Bentuk Antarabangsa (INDES) 2017.